

# Ahli Umno diingat usah terpengaruh isu Anwar

BH - 2 FEB 2000

KOTA TINGGI, Selasa – Ahli Umno seharusnya tidak mudah terpengaruh jika ada pemimpin tertentu menggunakan kes pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai modal untuk bertanding pada perhimpunan agung Umno, Mei depan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata isu itu sepatutnya tidak timbul kerana Anwar bukan lagi ahli Umno selepas ia dipecat oleh parti dua tahun lalu.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata, seseorang calon yang menawarkan diri bertanding perlu mempunyai kekuatan tersendiri dan bukannya menagih simpati daripada kes itu untuk meraih kejayaan.

“Anwar bukan lagi ahli Umno. Lagi pun semua

orang tahu dia menubuhkan parti pembangkang untuk melawan kerajaan.

“Jika ada pemimpin tertentu yang menggunakan isu itu untuk mencari pengaruh, ia adalah satu kesilapan kerana dia (Anwar) bukan lagi ahli Umno,” katanya kepada pemberita selepas memengerusikan mesyuarat Umno bahagian Kota Tinggi di Felda Sungai Mas, dekat sini, hari ini.

Difahami seorang pemimpin cuba mendapatkan sokongan ahli dan pemimpin kanan Umno yang bersimpati dengan Anwar sebagai modalnya untuk bertanding jawatan tertinggi parti pada perhimpunan itu.

Isu itu kini hangat dipertakutkan di kalangan ahli Umno di peringkat akar umbi dan ia dijadikan sebagai ba-

han kempen pemimpin terbabit untuk mendapatkan pengaruhnya.

Syed Hamid yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, berkata pertandingan merembut jawatan adalah terbuka kepada mereka yang layak tetapi ia perlu dilakukan secara tertib dan mengikut perlembagaan parti.

“Sesiapa pun boleh menawarkan diri untuk bertanding jika ia mendapat pencalonan. Tetapi mereka perlu ingat mengenai keupayaan masing-masing dan tidak menggunakan taktik kotor untuk mencari pengaruh,” katanya.

Menjawab pertanyaan lain, Syed Hamid berkata, mesyuarat Umno bahagian memutuskan untuk memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Beliau berkata, mesyuarat itu turut menyokong

keputusan Badan Perhubungan Umno negeri kerana bersifat terbuka dan merestui semua calon dari Johor yang akan bertanding jawatan naib presiden dan MT pada perhimpunan itu.

Setakat ini tiga calon itu Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Syed Hamid dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin menawarkan diri untuk jawatan Naib Presiden.

Selain itu, Ketua Umno bahagian Johor Bahru yang juga bekas Menteri Kebajikan Masyarakat, Datuk Shahrir Abdul Samad dan Pengerusi Jawatankuasa dan Kemudahan Awam negeri, Adam Abdul Hamid akan bertanding untuk jawatan MT.